

21 JUL 1999

Lapangan terbang-Pusat

SAINGAN SENGIT UNTUK JADI PUSAT PENERBANGAN SERANTAU

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Saingan sengit oleh lapangan terbang utama di rantau ini untuk menjadi pusat penerbangan serantau bukan akan menyaksikan cuma satu pemenang tetapi banyak pemenang dalam pelbagai aspek.

Presiden Airports Council International (ACI)-Pacific, George Bellew berkata usaha yang berterusan oleh pelbagai lapangan terbang untuk meningkatkan dan memperbaiki perkhidmatan akan menghasilkan beberapa lapangan terbang di rantau Pasifik dan Asean menjadi pusat serantau.

"Ia tidak akan menyebabkan cuma satu lapangan terbang diisytiharkan menang dan yang lain tewas," kata beliau kepada pemberita pada akhir ACI-Pacific Regional Assembly and Conference ke-9 di sini hari ini.

Beliau menyambut baik persaingan positif dan sihat sambil berkata persaingan untuk menawarkan kemudahan dan perkhidmatan lebih baik akan menghasilkan cuma satu pemenang iaitu penumpang yang akan menikmati keselesaan perjalanan.

Beliau berkata tidak akan ada yang kalah kerana semua lapangan terbang berusaha untuk mencari pelanggan dan pengguna.

Mengenai masalah tahun 2000 (Y2K), Bellew yang juga ketua eksekutif Christchurch International Airport Ltd (New Zealand) berkata kebanyakan lapangan terbang di rantau Pasifik dijangka bersedia bagi menghadapi Y2K termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA).

Bagaimanapun, tiada siapa dapat menyatakan dengan kepastian bahawa mereka bersedia sepenuhnya kerana operasi lapangan terbang dalam aspek itu bergantung kepada perkhidmatan lain berkaitan yang tidak kurang pentingnya.

Ketika mengulas komen oleh wartawan tempatan mengenai aduan bahawa tambang pergi dan blik dari KLIA menggunakan taksi limosin adalah terlalu mahal, Bellew agak terkejut kerana beliau sebelumnya berkata beliau tertarik dengan lebuhraya yang menghubungkan KLIA.

"Saya benar-benar tidak tahu... RM60 hingga RM80 mungkin mahal tetapi jika dibandingkan dengan kadar tambang di lapangan terbang lain, ia berpatutan," kata beliau.

Beliau menarik perhatian kepada tambang sehingga AS\$200 satu perjalanan dari satu lapangan terbang di sebuah negara ke ibu negara yang cuma 30 minit perjalanan dan di Christchurch yang tambang taksi dari lapangan terbang ke bandaraya ialah bersamaan dengan RM35 bagi perjalanan sejauh cuma enam batu.

Bellew berkata beliau percaya bahawa pihak berkuasa berkenaan di Malaysia sedang mengambil langkah untuk menyelesaikan aduan oleh orang awam sambil berkata beliau memang tahu tentang laluan baru melalui rel yang menghubungkan Kuala Lumpur Sentral City Terminal dengan KLIA.

Dalam ucapan penutupnya, Bellew memberi pujian kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana pengetahuannya yang mendalam mengenai isu-isu berkaitan lapangan terbang dan industri penerbangan.

Dr Mahathir telah merasmikan persidangan itu Ahad lepas.

Beliau juga mempelawa 250 anggota perwakilan yang menghadiri persidangan itu ke Persidangan Serantau ACI-Pacific ke-10 di Christchurch pada April tahun depan.

ACI-Pacific yang mewakili 57 anggota dan lima anggota gabungan menguruskan kira-kira 160 lapangan terbang di 27 negara Pasifik.

Tujuannya ialah menjalin hubungan antara anggota, menawarkan perkhidmatan berkualiti kepada anggota dan mewakili suara lapangan terbang

bagi Rantau Pasifik.  
-- BERNAMA  
MNY FAZ